

Negara tidak berdepan krisis bekalan ayam

KUALA LUMPUR 12

Julai - Negara tidak berdepan dengan krisis bekalan ayam walau-pun harga barang asas itu meningkat dengan mendadak sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, ketidakstabilan harga ayam di pasaran merupakan perkara biasa dan kementeriannya berjanji masalah tersebut tidak akan berlarutan.

Kata beliau, pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang menjalankan pemeriksaan di ladang ternakan terpilih bagi mengesahkan sama ada wabak bronkitis berjangkit menjadi penyebab harga ayam meningkat seperti didakwa penternak.

"Saya tegaskan kementerian tidak akan menutup mata dan membiarkan masalah ini terus berlaku. Pegawai saya juga akan sentiasa memantau bekalan ayam agar tidak terganggu dan jika berlaku kekurangan bekalan kita akan cuba hadkan.

"Namun, saya tegaskan buat masa ini tiada krisis bekalan ayam dialami. Wabak berkaitan ayam macam-macam dan kita akan sentiasa peka bagi me-



**TAJUDDIN
ABDUL RAHMAN**

mastikan keselamatan pengguna terjamin," katanya ketika ditemui dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pulau Meranti, Puchong dekat sini hari ini.

Yang turut hadir seorang lagi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,

Nogeh Gumbek dan Ketua Pengarah LKIM, Sa'dom Abd Wahab.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd. Sallehhuddin Hassan berkata, daripada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati hampir separuh daripada penternak ayam di negara ini tidak menggunakan vaksin bagi mengelak ternakan dijangkiti IB.

Jelasnya, hari ini pegawainya akan melawat ke ladang-ladang ternakan bagi mengetahui isu utama di sebalik kenaikan harga ayam.

"Ada dalam kalangan penternak mengatakan vaksin yang digunakan tidak berkesan dan pegawai kita sedang lakukan pemeriksaan bagi mengetahui apa isu utama. Kalau betul vaksin digunakan tak sesuai, kita akan cuba cari vaksin lain yang lebih baik," katanya.